

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1995/96

April 1996

AAW311 - PERAKAUNAN KEWANGAN PERTENGAHAN I

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan 1, 2 dan 3 adalah WAJIB daripada Bahagian A. Pilih dan jawab SATU (1) soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

Soalan 1

Maju Berhad telah didaftarkan dengan modal saham dibenarkan RM1.0 juta yang terdiri daripada RM200,000, 7% Saham Keutamaan dengan nilai par RM1.00 setiap dan baki terdiri daripada saham biasa dengan nilai par RM1.00 setiap. Berikut ialah petikan baki akaun Maju Berhad seperti pada 31/12/1995.

	RM
7% Saham keutamaan, dibayar sepenuhnya	100,000
Saham biasa, dibayar sepenuhnya	500,000
Rizab penilaian aset	160,000
Untung belum dibahagikan (baki kredit), 1.1.1995	237,750
Tanah, hakmilik bebas (dinilai semula pada 1992)	500,000
Bangunan, kos	400,000
Loji, kos	200,000
Perkakas, kos	180,000
Peruntukan susutnilai, 1.1.1995:	
Bangunan	150,000
Loji	100,000
Perkakas	120,000
Kutipan ("proceeds") dari jualan loji	10,000
Jualan	850,000
Stok, 1.1.1995	20,000
Belian	300,000
Angkutan masuk	5,000
Pulangan jualan	10,000

...2/-

Pulangan belian	5,000
Gaji	100,000
Imbuhan ("remuneration") pengarah (termasuk yuran RM10,000)	50,000
Sewa loji	20,000
Komisen jualan	50,000
Belanja utiliti	60,000
Belanja loji	15,000
Belanja baiki loji	5,000
Yuran juruaudit	25,000
Pinjaman bank (jangka panjang, perlu dijelaskan pada 1998)	50,000
Pelaburan jangka panjang:	
Saham disenaraikan ("quoted shares")	150,000
Saham tak disenaraikan	40,000
Bon kerajaan	30,000
Pendapatan pelaburan (selepas tolak cukai):	
Saham disenaraikan	13,000
Saham tak disenaraikan	3,250
Faedah	5,000
Akaun belum terima	130,000
Akaun belum bayar	40,000
Bayaran terdahulu ("prepayments")	15,000
Belum bayar ("accruals')	20,000
Bank (baki debit)	220,000
Cukai belum bayar (baki kredit)	66,000
Liabiliti cukai tertunda ("deferred tax")	45,000
Faedah persaraan ("retirement benefits')	100,000
Bil belum terima	50,000
Bil belum bayar	30,000
Perbelanjaan penyelidikan & pembangunan	30,000

(a) Lembaran stok (stock sheet) menunjukkan nilai-nilai berikut:

<u>Butiran</u>	<u>Unit</u>	<u>Kos/unit</u> RM	<u>Nilai realis bersih seunit</u> RM
XY	10	100	120
LM	20	150	100
AB	150	80	90

(b) Perbelanjaan penyelidikan dan perkembangan dihapuskira pada tahun ia terlibat.

...3/-

- (c) Syarikat telah mengistiharkan bonos 1 saham bagi setiap 10 saham dari rizab penilaian aset. Saham ini tak berhak menerima dividen pada tahun ini. Urusniaga ini belum direkod.
- (d) Kerugian akibat banjir RM135,000.
- (e) Peruntukan berikut perlu dibuat:
- (i) Susutnilai:
- | | |
|----------|---------------------|
| Bangunan | 5% atas kos |
| Loji | 40% atas nilai buku |
| Perkakas | 10% atas kos |
- Susutnilai tak dikira pada tahun jualan aset.
- (ii) Faedah atas pinjaman jangka panjang berubah dengan kadar pinjaman asas (base lending rate). Bagi 6 bulan pertama 1995, kadar ialah 10% dan 12% ialah kadar bagi 6 bulan terakhir 1995. Kadar tahunan belum diperuntukan.
- (iii) Caj cukai tahun ini dianggarkan RM55,000 dan cukai tahun lepas lebih diperuntukan ialah RM15,000.
- (iv) Dividen dicadangkan:
- | | |
|-----------------|---------|
| Saham keutamaan | 1 tahun |
| Saham biasa | 5% |
- (f) Kutipan dari jualan loji ialah secara kredit dan kos loji yang telah dijual ialah RM30,000 dan susutnilai terkumpul ialah RM10,000.
- (g) Saham disenaraikan mempunyai nilai pasaran sebanyak RM200,000 dan pengarah telah menilai saham tak disenaraikan pada RM60,000.
- (h) Kadar cukai ialah 35%.

Dikehendaki:

- (1) Sediakan penyata kewangan di dalam bentuk yang sesuai untuk diterbitkan.
- (2) Kira perolehan per syer asas (basic earnings per share) dan perolehan per syer tercair habis bagi tahun kewangan 1995.

[50 markah]

...4/-

Soalan 2 (WAJIB)

T Bhd. adalah syarikat besar. di bawah disenaraikan 4 jenis perbelanjaan yang telah dibuat oleh syarikat tersebut sepanjang tahun perakaunan yang berakhir 30/4/1995.

- (i) T Bhd. telah membelanjakan RM3 juta atas program untuk mempertingkatkan perhubungan dengan pengedar syarikat. Projek ini telah menerima sambutan baik oleh pengedar dan pihak pengurus percaya bahawa manfaat besar akan diperolehi pada masa depan. Program ini telah dijalankan pada suku tahun keempat tahun 1995.
- (ii) Loji perintis telah dibina semasa 1994/95 dengan kos RM5 juta untuk menguji proses pengeluaran yang baru. Loji ini dijangka beroperasi selama 5 tahun. Pada masa itu, syarikat akan membuat keputusan tentang nilai ekonomi proses itu. Loji perintis adalah terlalu kecil bagi pengeluaran komersial jadi ia akan dipecahkan (dismantled) selepas ujian dijalankan.
- (iii) T Bhd. telah membeli A Sdn. Bhd. dengan RM6 juta tunai pada awal Ogos 1994. Nilai pasaran saksama aset yang boleh kenalpasti A Sdn. Bhd. ialah RM5 juta.
- (iv) Suatu kempen pengiklanan secara besar-besaran telah dijalankan pada April 1995 untuk memperkenalkan barangan baru yang akan diédarkan pada suku tahun pertama tahun kewangan yang 1995/96. Kos kempen pengiklanan ialah RM3.5 juta.

Dikehendaki:

Bagi setiap 4 perbelanjaan di atas, tentukan dan beri sebab:

- (1) amaun jika ada, yang harus dipermodalkan di kunci kira-kira seperti pada 30/4/1995.
- (2) amaun yang harus direkod dipenyata pendapatan bagi tahun berakhir 30/4/1995.

[15 markah]

Soalan 3 (WAJIB)

Asas penilaian bagi inventori Ali Bhd. ialah terendah antara kos dan nilai realis bersih. Kos ditentukan berdasarkan asas masuk dulu, keluar dulu (MDKD). Ali Bhd. menjual barangan pada harga tetap pada 50% lebih tinggi daripada harga belian dan belanja jualan ialah RM2.00 seunit.

Pengiraan inventori secara fizikal pada 31/12/1988 menunjukkan baki dalam tangan ialah 500 unit dan di antara jumlah ini 100 unit barangan (yang dibeli pada 1/9/1988) didapati mengalami kerosakan sedikit disebabkan banjir. (Barangan yang rosak kemudiannya dijual pada Januari 1989 pada harga jualan RM10.00 seunit).

...5/-

Inventori awal pada 1/1/1988 terdiri daripada 400 unit belian pada RM1.00 seunit. Belian sepanjang 1988 adalah seperti berikut:

Pada 1/3/1988	500 unit pada RM11.00 seunit
Pada 1/6/1988	400 unit pada RM11.50 seunit
Pada 1/9/1988	400 unit pada RM12.00 seunit
Pada 1/12/1988	300 unit pada RM11.50 seunit

Selain dari harga belian di atas, Ali Bhd. mengenakan kos pengangkutan dalaman RM1.00 seunit dan kos simpanan RM0.50 seunit.

Dikehendaki:

- (1) Tentukan nilai inventori pada 31/12/1988 Ali Bhd. mengikut keperluan Piawai Perakaunan Antarabangsa No. 2.
- (2) Tunjuk bagaimana maklumat berhubung dengan inventori harus didedahkan di penyata kewangan terbitan 1988 bagi Ali Bhd.

[15 markah]

Bahagian B

Pilih dan jawab SATU (1) soalan sahaja.

Soalan 4

Pilih 5 sahaja dan tulis nota ringkas tentang:

- (a) konsep entiti
- (b) perolehan per syer tercair habis
- (c) rizab modal
- (d) rizab hasil
- (e) laba dan kerugian tak biasa
- (f) kematanan (materiality)
- (g) perubahan prinsip perakaunan

[20 markah]

...6/-

Soalan 5

Sebuah syarikat berhad awam boleh mempunyai 3 rizab tak diagih berkanun.

Dikehendaki:

- (i) Kenalpasti 3 jenis rizab di atas.
- (ii) Sebut bagaimanakah setiap rizab di (i) atas boleh timbul.
- (iii) Kenalpasti kegunaan setiap rizab di (i).

[20 markah]

-oooOOOooo-